

17 DEC 2002

Mahathir-Sipadan

KEPUTUSAN ICJ TIDAK GUGAT HUBUNGAN MALAYSIA-INDONESIA, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 17 Dis (Bernama) -- Keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) hari ini, yang memutuskan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan di perairan Borneo adalah milik Malaysia, tidak akan menggugat hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata: "Kedua-dua pihak telah bersetuju untuk serah kepada ICJ (berhubung tuntutan ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan), dan dengan keputusan itu, bermakna kita sanggup menerima apa jua keputusan.

"Mungkin juga keputusan itu tidak memihak kepada kita... kalau tidak memihak kepada kita, kita terima," katanya pada sidang media sejurus tiba di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang dekat sini, malam ini, selepas pulang daripada lawatan dua hari ke Jepun.

Dr Mahathir berkata Malaysia berharap kepulauan itu tidak akan dituntut oleh mana-mana pihak lagi selepas keputusan ICJ itu.

Keputusan mahkamah itu adalah muktamad dan menamatkan pertikaian selama 30 tahun antara Malaysia dan Indonesia berhubung hak kedaulatan kedua-dua pulau itu.

Dalam keputusan 16:1, ICJ yang bersidang di The Hague membuat keputusan yang memihak kepada Malaysia berdasarkan bahawa kedua-dua pulau itu sememangnya di bawah kawalan dan pentadbiran Malaysia.

Perdana Menteri berkata dari awal lagi Malaysia berpendapat bahawa kepulauan itu adalah miliknya dan segala keterangan untuk membuktikan tuntutan Malaysia itu memihak kepadanya.

Beliau berkata bagaimanapun ICJ terpaksa mendengar hujah-hujah pihak Indonesia dan ada kemungkinan, pihak Indonesia mempunyai maklumat yang lain.

"Tapi kita bersyukur... akhirnya masalah ini diputuskan secara aman," kata beliau.

-- BERNAMA

SR HK NAK